



## PERBADANAN LABUAN

Wisma Perbadanan Labuan, Peti Surat 81245, 87022 Wilayah Persekutuan Labuan  
Tel: 087-408600/087-408601 Faks: 087-428997/087-419400/087-426803  
Laman Web: [www.pl.gov.my](http://www.pl.gov.my)

---

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### ACARA LABUAN INTERNATIONAL SEA CHALLENGE (LISC) 2019 MENCIPTA MALAYSIA BOOK OF RECORDS YANG BAHARU

LABUAN, 28 April 2019 – YB Tuan Haji Khalid bin Abd Samad, Menteri Wilayah Persekutuan hari ini merasmikan Majlis Apresiasi LISC 2019 iaitu acara penutup bagi LISC kali yang ke-23 yang telah berlangsung selama lima (5) hari bermula pada 23 hingga 28 April 2019.

LISC 2019 yang dianjurkan oleh Perbadanan Labuan (PL) dengan dengan kerjasama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) Labuan dan Tourism Malaysia (Labuan) ini sudah pastinya mendapat penyertaan dari dalam mahupun luar negara seperti Brunei Darussalam, Indonesia, Singapore, Australia, Canada, India, Ireland, Italy, Japan, Korea, Netherland, New Zealand, Philippines, Spain, United Kingdom, Hong Kong, Taiwan, German dan England.

Terdapat tiga (3) acara utama dan 14 acara sampingan yang menarik diadakan sepanjang lima (5) hari tersebut iaitu *LISC Daiwa Fishing Tournament*, *Labuan Round Island Kayak Challenge* dan *Labuan Cross Channel Swimming Challenge* bagi acara utama. Manakala bagi acara sampingan pula ialah *Beach Petangue*, *Silat 5x5 Beach Competition*, *Beach Volleyball Championship*, *Island To Island Fishing Tournament*, *LISC Run*, *Kayak Sprint Challenge*, *Shore Fishing Tournament*, *Beach Tug Of War*, *Pole Climbing*, *Duck Catching Games*, *Sand Castle Competition*, *Beach Telematch*, *Charity Fish Auction* dan *Pillow Fight*. Jumlah peserta bagi acara *Labuan Cross Channel Swimming Challenge* seramai 163 orang pada tahun ini telah berjaya memecahkan *Malaysia Book of Records* untuk kategori “*Largest Participation In Island-To-Island*” sebelum ini iaitu seramai 103 orang peserta yang dilakukan di Labuan pada tahun 2009.



LISC yang diadakan di Labuan ini sering dinantikan oleh peminat/penggemar acara sukan laut di Malaysia atas beberapa faktor kelainan berbanding acara sukan air yang diadakan di negeri lain. Faktor yang pertama ialah acara Pertandingan Kayak Mengelilingi Pulau Labuan, Perlumbaan Bot dan Acara Renang Merentasi Selat pernah menempah rekod dalam Malaysia Book Of Rekod pada tahun 2009 dan 2010 bagi penyertaan yang paling ramai dalam tiga (3) acara tersebut. Kedua, acara Kayak Mengelilingi Pulau Labuan adalah satu-satunya acara maraton kayak seumpama itu di Malaysia. Ketiga, LISC merupakan satu-satunya acara di Malaysia yang menghimpunkan acara sukan laut (lasak) yang diadakan secara serentak. Keempat, Labuan merupakan negeri yang pertama memperkenalkan acara sukan air di Malaysia dan diikuti oleh negeri-negeri lain sehingga pada suatu ketika, Kementerian Pelancongan Malaysia telah menjadikan Labuan sebagai tuan rumah untuk Majlis Pembukaan atau Penutupan Pesta Air peringkat nasional. LISC tersenarai sebagai salah satu acara dalam Kalendar Acara Pelancongan yang dipromosikan sempena Tahun Melawat Malaysia 2007 dan 2014.

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Korporat

Perbadanan Labuan

28 April 2019